Rencana

Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

Ringkasan

- **Stok pelaburan Malaysia di luar negara telah berkembang dengan ketara, dengan pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad,* DIA) meningkat lebih lapan kali ganda daripada RM94 bilion pada tahun 2005 kepada RM778 bilion pada tahun 2025.** Walau bagaimanapun, secara purata, hanya kira-kira separuh daripada pendapatan pelaburan yang diterima di luar negara telah dibawa balik sejak tahun 2015, sekali gus mengehadkan manfaatnya kepada ekonomi dalam negeri.

- **Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (Qualified Resident Investor, QRI) menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan luar negara yang lebih sistematik, di samping mengekalkan fleksibiliti untuk melabur semula di luar negara.** Pendapatan pelaburan yang dibawa balik meningkat sebanyak 36% antara tahun 2023 hingga 2025, dengan aliran masuk QRI melebihi USD2.5 bilion (bersamaan dengan RM10.2 bilion) setakat separuh pertama tahun 2026 (ST1 2026).

- **Dengan menyokong aliran dua hala yang lebih seimbang, QRI memperkukuh mudah tunai domestik, kedalaman pasaran pertukaran asing (*foreign exchange,* FX) dan daya tahan sektor luaran.** Rencana ini menghuraikan rasional, pelaksanaan dan pencapaian awal program tersebut.

Memanfaatkan Pertumbuhan Aset Luaran Malaysia untuk Manfaat Dalam Negeri yang Lebih Besar

Sepanjang tempoh dua dekad yang lalu, syarikat korporat Malaysia telah memperluas operasi mereka pada peringkat antarabangsa dengan ketara. Seiring dengan kematangan perniagaan dan integrasi serantau yang semakin mendalam, syarikat tempatan semakin giat melabur di luar negara untuk meneroka pasaran baharu, mendapatkan sumber strategik, mempelbagaikan sumber pendapatan serta mengukuhkan kedudukan dalam rantaian nilai serantau dan global. Perkembangan ini turut disokong oleh rangka kerja dasar pertukaran asing (*foreign exchange policy*, FEP) yang kondusif dan diliberalisasikan secara berperingkat[1].

[1] Sejak tahun 2007, dasar pertukaran asing diliberalisasikan secara berperingkat. Antara langkah yang diperkenalkan termasuk membenarkan syarikat korporat tempatan melabur di luar negara atau mendapatkan pinjaman dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen di Malaysia bagi tujuan DIA.

[2] Angka 5.2% mewakili kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compound annual growh rate,* CAGR) bagi kadar hasil pendapatan DIA antara tahun 2005 hingga 2025, yang mencerminkan kadar pulangan tahunan sepanjang tempoh 20 tahun.

Syarikat korporat Malaysia telah membina stok aset luaran yang besar. Stok DIA berkembang pesat daripada RM94.4 bilion pada tahun 2005 kepada RM778.4 bilion pada tahun 2025, dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 11%. Peningkatan aset luar negara ini turut menjana pulangan yang positif, dengan purata pulangan sebanyak 5.2%[2] antara tahun 2005 hingga 2025. DIA tertumpu pada sektor yang mempunyai kelebihan daya saing, termasuk sektor perkhidmatan kewangan, perlombongan, pertanian serta perkhidmatan maklumat dan komunikasi. Trend ini membolehkan perniagaan Malaysia berkembang ke peringkat antarabangsa dan menyokong daya saing jangka panjang syarikat korporat. Gambar Rajah 1 merumuskan faktor-faktor utama yang mendorong pelaburan syarikat Malaysia di luar negara serta hubung kait antara faktor tersebut dengan pengalaman Malaysia berkaitan DIA.

Gambar Rajah 1: Sebab Syarikat Malaysia Melabur di Luar Negara – Perspektif OLI



Nota: OLI merujuk kelebihan pemilikan (*ownership*), lokasi (*location*) dan pengantarabangsaan (*internationalisation*) berdasarkan paradigma eklektik Dunning. Paradigma tersebut disesuaikan dalam konteks ini untuk merumuskan faktor utama yang mendorong pelaburan ke luar negara yang berkaitan dengan pengalaman Malaysia berkaitan DIA.

Rencana

Menggalakkan Aliran Pelaburan Dua Hala Melalui Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (QRI)

Walau bagaimanapun, manfaat ekonomi daripada pelaburan di luar negara bukan semata-mata ditentukan oleh skala pelaburan tersebut. Manfaat tersebut turut bergantung pada jumlah pendapatan yang dibawa pulang dan disalurkan kembali kepada ekonomi dalam negeri. Antara tahun 2015 hingga separuh pertama tahun 2026, pelaburan di luar negara telah menjana pendapatan berjumlah RM387 bilion, iaitu secara puratanya, hanya sekitar 46% daripada pendapatan pelaburan tersebut dibawa balik. Angka ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada pendapatan pelaburan tersebut dikekalkan di luar negara.

Pengekalan pendapatan di luar negara oleh syarikat korporat lazimnya didorong oleh keperluan komersial dan operasi. Subsidiari luar negara sering memerlukan pembiayaan untuk keperluan pengembangan perniagaan, pembangunan projek, pembayaran balik hutang dan modal kerja. Pendapatan juga mungkin dikekalkan di luar negara untuk menyokong pemerolehan pada masa hadapan atau merebut peluang pelaburan semula dalam pasaran asing.

Walau bagaimanapun, penghantaran balik pendapatan secara lebih kerap dapat meningkatkan manfaat pada ekonomi dalam negeri daripada pertumbuhan aset luaran Malaysia. Penghantaran balik pendapatan luar negara menawarkan saluran segera untuk menyokong mudah tunai domestik, pelaburan dan daya tahan sektor luaran. Pada masa yang sama, syarikat korporat boleh menggunakan pendapatan yang dibawa balik untuk membiayai perbelanjaan modal dalam negeri, pembayaran dividen, pembayaran balik hutang dan modal kerja. Secara keseluruhannya, semua saluran ini mengukuhkan rasional untuk menggalakkan penghantaran balik pendapatan luar negara yang lebih kerap dan berterusan.

Gambar Rajah 2: Stok DIA, Pendapatan dan Nisbah Penghantaran Balik Pendapatan DIA Malaysia, 2015–ST1 2026



Inti pati utama: Stok aset luaran yang terus berkembang masih menjana pulangan positif. Walau bagaimanapun, kadar penghantaran balik pendapatan kekal sederhana dan menunjukkan masih terdapat ruang untuk meningkatkan penghantaran pulangan tersebut ke dalam ekonomi dalam negeri.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Manfaat Penghantaran Balik Pendapatan DIA Secara Berkala

